


# Indonesia Terlalu Penting!!!



*Tiga gambar yang tertera di atas menunjukkan bagaimana wakil-wakil dan pemerhati-pemerhati khas – dalam dan luar negeri – sedang berkongres untuk menghidupkan semula jiwa bahasa Melayu yang telah terjajah beberapa lamanya.*



*Gambar kanan: Profesor Sutan Muhammad Zain, ahli bahasa Indonesia sedang memberikan sumbangannya di dalam kongres atas. Gambar atas: Pengerusi dengan pengapit-pengapitnya di dalam sidang penuh kongres. Gambar kiri: Ahli-ahli kongres dalam salah satu sidang bahagiannya.*





# Penyatuan Bahasa Melayu Malaya



Kongres yang Ketiga  
Bahasa dan Persuratan  
Melayu Malaya

Kongres ini telah mendapat perhatian yang penuh dari semua golongan umat – Malaya dan Indonesia. Masalah bahasa yang menjadi jiwa sesuatu bangsa itu adalah sangat utama di dalam perkembangan-perkembangan yang ada sekarang terutamanya pula umat sekata menghendaki bahasa Melayu itulah sahaja bahasa kebangsaan di Semenanjung Tanah Melayu ini. Kerjasama yang rapat dari kerajaan Indonesia supaya persamaan bahasa Melayu di Malaya. Dengan Indonesia disamakan adalah bermakna bahawa bahasa Melayu akan digunakan di dalam cara yang sama di seluruh Tenggara Asia.



*Gambar atas: Cikgu Muhammad Nur Ahmad sedang meletakkan Songkok Kehormatan sebagai Pendeta Bahasa kepada Tuan Haji Zainal Abidin bin Ahmad pada hari penutupan kongres. di bawah: Dif-dif dalam jamuan teh Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu kerana meraikan peserta-peserta kongres.*